



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	13/11/2019	MUKA SURAT	:	32
JABATAN	:	BMG / JKPTG			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Elak monopoli lombong pasir

PPPP dakwa syarikat ditubuh kerajaan negeri monopoli aktiviti itu

NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Kerajaan Pahang digesa menilai semula industri perlombongan pasir di negeri itu bagi mengelak aktiviti perlombongan pasir dimonopoli oleh pihak tertentu sahaja.

Pengerusi Permuafakatan Pengusaha Pasir Pahang (PPPP), Tengku Rosfaizal Tengku Bahakeri Shah berkata, tindakan kerajaan menubuhkan sebuah syarikat pengurusan industri pasir memberi kesan kepada pengusaha lain terutama urusan penjualan ke luar negara.

Beliau mendakwa, pihak yang dilantik akan menutup periuk nasi pengusaha lain dengan monopoli industri itu bagi mengaut keuntungan.

“Kerajaan negeri perlu kembalikan hak rakyat. Adalah lebih baik jika prosedur permohonan sebelum ini yang diuruskan oleh Jawatankuasa Pembangunan Tetap (Pasir) di pejabat tanah dan daerah sahaja dan bukan syarikat yang baru ditubuhkan oleh kerajaan pada pertengahan tahun lalu.

“Industri perlombongan pasir ini seharusnya lebih terbuka dan bukan dimonopoli oleh satu pihak sahaja,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tengku Rosfaizal berkata, industri perlombongan pasir yang sepatutnya ditambah baik dilihat semakin parah apabila ada segelintir individu yang mahu mengaut keuntungan secara bersendirian.

Dakwanya, pejabat tanah dan daerah juga tidak mempunyai kuasa kerana semua permohonan mengeluarkan pasir perlu dibuat melalui syarikat terbabit.

“Ini bererti syarikat yang ditubuhkan oleh kerajaan itu sahaja yang dipercayai mengagihkan konsesi pasir



TENGGU ROSFAIZAL

di seluruh Pahang.

“Jadi, saya minta Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail mengambil cakna berhubung perkara ini,” katanya.

Sehubungan itu, Tengku Rosfaizal berkata, PPPP bercadang membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menyiasat dakwaan itu selain memohon Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menggantung permit eksport (AP) pasir di Pahang buat sementara waktu.

“Tindakan ini bagi membolehkan siasatan dijalankan nanti sehingga selesai,” katanya.